

# Pasukan hoki UMT cemerlang

■ MOHD YUSERICHE DIN

SH 8/10/08 Pg. T22

**KUALA TERENGGANU** - Pasukan hoki Universiti Malaysia Terengganu (UMT), meraih kemenangan bergaya apabila menumpaskan pasukan tercorot Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam divisyen 2 liga hoki Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dengan jaringan 3-2.

Perlawanan yang berlangsung di padang hoki Kompleks Stadium Gong Badak itu menampilkan pertemuan dan perlawanan berat sebelah di mana ham-pir keseluruhan permainan dikuasai pasukan tuan rumah UMT.

UMT memulakan perlawanan dengan rentak cemerlang, yang mana pe-nyerang mereka sering kali mengucar-ngacirkan pertahanan lawan dalam peringkat awal permainan. Namun, kekentalan barisan pertahanan UUM serta tindakan cemerlang penjaga gol mereka banyak menyelamatkan ga-wang daripada dibocori lawan.

Bagaimanapun penyerang UUM, Mohd Nor Hazmil berjaya memecah kebuntuan dan mengejutkan barisan pemain UMT, apabila menjaringkan gol pasukannya pada minit ke-4 me-nerusi rembatan kencang hasil hantaran cantik dari luar petak penalti UMT.

Namun, UMT tidak menunggu lama untuk menyamakan keduduan apabila kapten mereka, Norhisan Abdullah menyambung hantaran rakan sepasukan untuk meledakkan jaringan ke penjuru kiri gol lawan untuk gol pe-nyamaan pada minit ke-22.

Permainan babak kedua me-nyaksikan pemain UMT semakin ber-



Pasukan UMT bergambar bersama jurulatih dan pengurus sebelum turun menentang pasukan UUM di Kompleks Stadium Gong Badak.

semangat memburu gol. Mereka me-lancarkan serangan demi serangan dan akhirnya berjaya merobek pintu gol UUM menerusi Mohd Redhyan Arif hasil pukulan 'top net' yang cantik. Gol tersebut menaikkan semangat pemain UMT dan mereka semakin kerap me-lakukan serangan berbahaya.

UUM sesekali melakukan se-rangan balas, begitu pun mereka gagal menjaringkan gol akibat ke-gopohan penyerang mereka sendiri. Akibat kelekaan barisan pertahanan UUM pada minit ke-40, Norhisan se-kali lagi menggegarkan jaring lawan untuk menjarakkan kedudukan ke-pada 3-1.

Beberapa pertukaran di pihak

UMU menyaksikan usaha terdesak mereka mencari gol bagi merapatkan kedudukan. Akhirnya, Mohd Hafizi Ismail yang masuk menggantikan Mohd Hanapiyah berjaya juga meledak-kan gol sagu hati kedua pasukannya pada minit ke-64 untuk merapatkan kedudukan 2-3. Bagaimanapun, usaha mereka menyamakan kedudukan gagal apabila beberapa tindakan cemerlang penjaga gol UMT, Fazli Mustafa menyelamatkan gawangnya.

Penolong Pengurus UMT, Raja Nik Farah Raja Amar ketika ditemui **Sinar Harian** berkata, pasukannya berjaya menampilkan permainan ber-tega terutama pada babak kedua per-lawanan, sekali gus memperoleh ke-

menangan yang dicari.

Katanya, dengan kemenangan itu, pasukan UMT meraih dua kemenangan daripada perlawanan yang berlangsung sehingga kini.

"Ini akan menguatkan lagi se-mangat pemain UMT untuk menampilk-an aksi lebih baik pada perlawanan akan datang. Jika momentum ini ber-terusan, tidak mustahil UMT akan me-raih beberapa lagi kemenangan sebagai bekalan bersaing dengan pasukan han-dal seperti USM," katanya lagi.

Sementara itu, UUM pula terus di-timpak nasib malang apabila kekalahan itu menyaksikan mereka sehingga kini masih lagi belum mencipta sebarang kemenangan.